

KOPERASI UNTUK KESEJAHTERAAN AHLI

KINI, bermulalah perjalanan 2016 setelah 2015 melabuhkan tirainya.

Alhamdulillah, liku-liku 2015 telah ditempuhi dengan tabah dan jayanya.

Secara amnya, Koperasi The New Straits Times Press (M) Sdn Bhd (NSTP), masih terus mengekalkan prestasi pendapatan yang baik melalui aktiviti pinjaman peribadi dan juga perniagaan pajak gadai Islam (Ar-Rahnu).

Pada tahun itu juga, Koperasi NSTP telah mengorak langkah dengan mencebur industri pelancongan sebagai salah satu cabang perniagaan dengan menubuhkan syarikat pelancongan yang dikenali sebagai Media Travel Sdn Bhd.

Koperasi NSTP juga telah menganjurkan beberapa aktiviti seperti kursus fotografi dan videografi dengan ia dibuka kepada semua koperasi di bawah naungan Angkasa.

Di samping itu juga, kejayaan penganjuran perlumbaan go kart dalam kalangan koperasi di Lembah Klang pada penghujung tahun lalu juga adalah satu kejayaan dalam meningkatkan jenama Koperasi NSTP dalam kalangan koperasi lain, di samping mewujudkan peluang untuk meningkatkan pendapatan.

Kita sedia maklum, cabaran besar tetap menanti pada tahun ini.

Rata-rata masyarakat kini terbabit dan dibelenggu oleh masalah ekonomi yang tidak menentu.

Kenaikan kos sara hidup, harga petrol, subsidi yang dikurangkan dan lain-lain senario semasa, agak mengganggu kehidupan harian.

Begini juga dengan ahli Koperasi NSTP, kita terasa dibebani dengan isu-isu berkenaan.

Bagaimanapun, bagi mereka yang berpendapatan tetap dan masih mempunyai pekerjaan, golongan ini boleh dianggap masih bertuah dan berikutnya itu, mereka hendaklah berhemah dalam mengatur perbelanjaan sehari-hari.

Dalam usaha membantu ahli-ahlinya, Koperasi NSTP akan lebih aktif dalam menggalakkan mereka menabung demi kepentingan pada masa hadapan.

Dalam aspek pengurusan, Koperasi NSTP mengambil pendekatan dengan lebih berhati-hati dalam menguruskan dana koperasi.

Bidang-bidang perniagaan akan dikaji dan diperhalusi sebelum sebarang keputusan dibuat.

Perhatian akan ditumpukan pada pelaburan harta tanah yang berpotensi dan mempunyai nilai masa depan yang tinggi.

Koperasi NSTP juga bercadang untuk membuka sebuah lagi cawangan Ar-Rahnu berikutan perniagaan pajak gadai emas Islam ini terbukti

mempunyai potensi untuk berkembang dan berdaya maju.

Perkhidmatan mesra pelanggan akan dipertingkatkan lagi untuk keselesaan dan kepentingan ahli-ahli koperasi.

Sebagai langkah awal, Koperasi NSTP telah menaik taraf sistem operasi dengan melaksanakan Sistem Pengurusan Berkomputer Koperasi (SPBK).

Aspek kebajikan ahli juga tidak diabaikan. Tabung khairat kematian disediakan untuk ahli dan keluarga terdekat, tidak kira bangsa dan agama.

Koperasi NSTP juga sedang berusaha untuk mendapatkan skim insurans berkelompok yang terbaik di pasaran dengan premium yang amat fleksibel.

Sementara anugerah kecemerlangan pendidikan untuk mengiktiraf kerja keras anak-anak ahli koperasi akan diteruskan dan dipertingkatkan.

Dalam usaha mendapat maklum balas daripada ahli-ahlinya, pengurusan Koperasi NSTP sentiasa mengamalkan konsep keterbukaan di mana ahli dialu-alukan untuk menyumbang idea dan memberi pendapat masing-masing.

Pada tahun ini juga akan diadakan mesyuarat agung kawasan untuk pemilihan perwakilan ke mesyuarat agung tahunan, sesi 2016/2017.

Mesyuarat agung kawasan ini yang diadakan setiap dua tahun sekali di Zon Utara, Zon Timur, Zon Selatan dan Zon Tengah.

Ahli-ahli yang ingin menyumbang tenaga, idea dan masa mereka, inilah waktunya untuk menawarkan diri untuk bertanding sebagai perwakilan di zon masing-masing.

Para perwakilan inilah yang akan menentukan masa depan dan hala tuju Koperasi NSTP.

Sebagai ahli koperasi, kerjasama dan sumbangan anda semua adalah amat dihargai.

Sesebuah koperasi itu tidak akan maju, jika tidak mendapat sokongan yang sewajarnya daripada ahli-ahli mereka.

Justeru itu, marilah kita sama-sama berusaha dan berdoa kepada Allah semoga perjalanan 2016 ini diberkati dan dilimpahi kejayaan.

‘Maju Koperasi, Anggota Bahagia.’

MOHD FADZIL ABDUL GHANI
Pengerusi Koperasi NSTP